BH 28 MAR 2001

# Jumpa ahli Umno Negeri Sembilan Jumaat

SEREMBAN, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui pemimpin dan ahli jawatankuasa darfpada empat Umno bahagian dalam lawatan kerja sehari ke Negeri Sembilan, Jumaat ini.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli jawatankuasa Umno bahagian Jelebu and Jempol di Dewan Besar Daerah Jempol, Bandar Baru Serting, kira-kira jam 9 pagi.

Selepas itu, beliau akan menemui ahli jawatankuasa Umno bahagian Kuala Pilah dan Tampin di Dewan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) selepas menunaikan fardu Jumaat di Masjid Yam Tuan Radin, Kuala Pilah.

Sebelum bertolak ke Kuala Lumpur, Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis makan malam bersama pegawai kanan kerajaan di Hotel Hilton, di sini, kira-kira jam 8 malam.